



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 19 (05 MEI 2024 – 11 MEI 2024)**

---

Pada Minggu Epidemiologi ke-19 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,338 kes berbanding 1,995 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-19 tahun 2024.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-19 adalah sebanyak 57,220 kes berbanding 41,175 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat 40 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 26 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-19 adalah sebanyak 60 lokaliti berbanding 70 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 60 lokaliti yang dilaporkan, 45 lokaliti di Selangor, tujuh (7) lokaliti di WPKL & Putrajaya, tiga (3) lokaliti di Sarawak, dua (2) lokaliti di Pulau Pinang, satu (1) lokaliti di Kedah, satu (1) lokaliti di Perak dan satu (1) lokaliti di Negeri Sembilan.


Bagi surveilans chikungunya, terdapat satu (1) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-19. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 24 kes. Tiada wabak Chikungunya dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-19. Bagi surveilans zika, sebanyak 974 sampel darah dan enam (6) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Jabatan Meteorologi Malaysia melalui siaran akhbar memaklumkan bahawa Monsun Barat Daya dijangka bermula pada 17 Mei 2024 dan akan berterusan sehingga September 2024 di mana sepanjang tempoh ini, taburan hujan dijangka berkurangan dan menjadikan cuaca lebih panas. Situasi panas dan kering ini boleh menyumbang kepada peningkatan populasi nyamuk *Aedes* di persekitaran disebabkan kitaran hidup nyamuk dari fasa telur sehingga dewasa akan menjadi lebih pendek. Selain itu, nyamuk *Aedes* betina akan menggigit dengan lebih kerap semasa cuaca panas untuk mendapatkan sumber protein iaitu darah bagi penghasilan telur. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk terus memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk *Aedes* di dalam dan luar rumah dengan melakukan aktiviti Cari dan Musnah tempat pembiakan nyamuk *Aedes* sekurang-kurangnya 10 minit sekali seminggu. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**

**KETUA PENGARAH KESIHATAN**


**20 MEI 2024**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-19 & ke-18 tahun 2024



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-19 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-19), 2023 dan median 2019-2023**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-19 tahun 2024**